# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# SELASA 22 JANUARI 2019

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br>4. | PERAK SEDIA KERJASAMA JADIKAN NEGERI KAWASAN TANAMAN PADI, NEGARA, KOSMO -4<br>PEWARTAAN DAH LAKSANA BERTAHUN LALU, NEWS, HARIAN METRO (UTARA) - 26<br>ALL STATES TO REPORT THE PADDY FIELD AREA TO GOVT, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A3<br>SIM TZE TZIN: CHICKEN FROM CHINA MUST PASS CUSTOM CHECKS, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A2 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 5.<br>6.<br>7.<br>8.<br>9.<br>10.<br>11. | PEMILIK SYARIKAT TANGGUNG KERUGIAN, NASIONAL, HARAKH -N20<br>PESAWAH TANGGUNG KERUGIAN BESAR, NASIONAL, HARAKAH -N20<br>USAH BIAR JELAPANG MENJADI KEPUK, ISU, BH -11<br>‘STATE NEEDS MORE RICE MILLS’, NEWS / NATION, NST -10<br>‘GAZETTING LAND FOR PADI FARMING NOTHING NEW’, NEWS / NATION, NST -10<br>PADI FIELDS ABANDONED DUE TO CUSTOMARY LAND STATUS, NEWS / NATION, NST -10<br>GREEN TOUCH TO RICE PRODUCTION, FEATURE, STAR METRO -6 | JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA) |
| 12.<br>13. | TUKAR STATUS AKIBAT PROJEK PEMBANGUNAN, ISU, BH -12<br>KAJI ASPEK LAIN JANA EKONOMI, ISU, BH -12 | PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU (IADA) |
| 14. | BERNAS BANTU 123,464 PESAWAH BERDAFTAR, ISU BH -12 | PADI BERAS NASIONAL BERHAD (BERNAS) |
| 15.<br>16. | NEW HOMES FOR 23 KITTENS, FEATURE, STAR METRO -6<br>VETERINARIAN URGES SABAH GOVT TO SET UP CAT ISLAND, NEWS / NATION, NST -60 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV) |
| 17. | LEBIH 300 NELAYAN TERIMA MANFAAT SKIM INSURANS LKIM, NASIONAL, AMANAH MINGGUAN -2 | LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM) |
| 18. | AGROBANK SERAH SUMBANGAN ZAKAT KEPADA YPI, NIAGA, KOSMO -45 | AGROBANK |
| 19. | CAGAR TANAH DEMI MINAT, NEWS, SINAR HARIAN (SELATAN) -21 | INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI) |
| 20.<br>21. | SKIM PERKESO UNTUK PETANI MUNGKIN DIPERLUAS, NASIONAL, AMANAH MINGGUAN -15<br>SARAWAK PEMBEKAL UTAMA PES DURIAN KAMPUNG, MY METRO -ONLINE | LAIN - LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/1/2019 | KOSMO | NEGARA | 4 |

# Perak sedia kerjasama jadikan negeri kawasan tanaman padi



AHMAD FAIZAL

IPOH – Negeri Perak akan mendapatkan maklumat lebih lanjut daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengenai cadangan kementerian itu agar kerajaan negeri menguatkuasakan pewartaan kawasan tanaman padi, sebelum mengambil apa-apa tindakan.

Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu berkata, beberapa negeri yang mempunyai keluasan kawasan sawah padi yang besar seperti Perak dan Kedah telah banyak berkorban bagi pengeluaran beras yang menjadi makanan ruji utama negara.

"Kerajaan negeri akan beri kerjasama sekiranya perlu menguatkuasakan pewartaan kawasan tanaman padi ini, namun kita minta Kerajaan Persekutuan supaya melihat kepada negeri-negeri yang banyak berkorban ini, seperti Perak dan Kedah dalam beberapa perkara.

"Kerajaan Persekutuan perlu melihat perkara lain yang boleh dibantu dari segi penjanaan ekonomi kepada negeri-negeri ini," katanya selepas merasmikan majlis penutup Kejohanan Lawn Balls Piala Taming Sari Open Triples di Arena Lawn Balls Perak di sini semalam.

Kelmarin, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub mencadangkan supaya kerajaan negeri menguatkuasakan pewartaan kawasan tanaman padi di beberapa negeri sebagai penyelesaian bagi menangani masalah keluasan sawah yang semakin mengecil.

Salahuddin turut menjelaskan cadangan itu telah dikemukakan pada Mesyuarat Tanah Negara baru-baru ini bagi memastikan ia dapat direalisasikan.

Sementara itu, Ahmad Faizal berkata, proses pewartaan juga mungkin berdepan sedikit kekangan memandangkan kebanyakan kawasan penanaman padi di Perak dimiliki oleh syarikat korporat.

"Perak mempunyai sawah yang begitu besar terutamanya di Kampung Gajah dan sebagainya. Ia juga dimiliki oleh pihak korporat yang besar dan mempunyai pajakan yang panjang," katanya. – Bernama

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Pewartaan dah laksana bertahun lalu | | |
| MediaTitle | Harian Metro (Utara) | | |
| Date | 22 Jan 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 4,701 |
| Page No | 26 | Readership | 14,103 |
| Language | Malay | ArticleSize | 138 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,067 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 12,200 |



**Sungai Petani**

# Pewartaan dah laksana bertahun lalu

**Penguatkuasaan pewartaan semua kawasan tanaman padi bagi menangani masalah keluasan sawah yang semakin mengecil bukan perkara baharu, sebaliknya sudah dilaksanakan berpuluh tahun.**

Bekas Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) Datuk Othman Aziz berkata, pewartawaan itu sudah dilakukan sebelum wujudnya MADA dan kerajaan perlu mengambil langkah lain bagi mengatasi masalah kekurangan beras.

"Semua kawasan MADA sudah diwartakan sebagai kawasan tanaman padi, tidak boleh membuat pembangunan lain atau tanaman lain selain padi.

"Dilihat pada geran, ditulis tidak boleh tanam selain daripada padi. Ia bukan perkara baharu," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Beliau berkata demikian selepas diminta mengulas cadangan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub yang kementeriannya sudah mencadangkan kepada kerajaan Kedah dan Perlis untuk mewartakan semua kawasan tanaman padi di negeri masing-masing.




*LAPORAN Harian Metro semalam.*

Othman berkata, walaupun diwartakan, keadaan sudah berubah dan tidak boleh menolak pembangunan.

"Pembangunan perumahan, jalan raya memerlukan kawasan tanaman padi diambil. Kita tidak boleh sekat, dengan budi bicara kerajaan negeri ia dilulus dan dibenarkan," katanya.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | All states to report the paddy field area to govt | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 22 Jan 2019 | Color | Full Color |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A3 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 425 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 5,346 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 16,038 |



## 农长：日益锐减
# 稻田面积应颁州宪报

（新山21日讯）我国稻田面积日益锐减，农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁建议各州政府在州宪报上颁布稻田面积。



沙拉胡丁（中）在官员陪同下参观主办当局展出的农作物。

他说，由于土地属于州政府权限，因此他做此建议，希望州政府关注，确保未来的稻田面积不会日益萎缩。

此外，他说，他也将稻田减少和产量减少的问题，在国家土地理事会会议上反映。

他说，该部也会透过人工智能及物联网研发稻米新品种，提升国内的稻米产量，放眼在今年内提升至75%。

沙拉胡丁出席柔佛机构、大马联邦农业销售局、马来西亚黄梨工业局交换备忘录仪式后，这么说。三造交换备忘录，旨在透过企业课程计划，为本地栽培更多企业家。

出席者包括柔佛机构总执行长拿督卡马鲁查曼、高级副主席嘉马鲁丁、马来西亚黄梨工业局副总监莫哈末凯鲁占里、大马联邦农业销售局主席依萨依斯迈、总监拿督阿末依萨、掌管柔州宗教与教育事务的行政议员阿米诺胡达。

Powered by: isentia

| Headline | Sim Tzw Tzin: Chicken from China must pass custom checks | | |
| --- | --- | --- | --- |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 22 Jan 2019 | Color | Full Color |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A2 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 532 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 6,692 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 20,076 |



## 沈志勤：符协议即可
# 中国肉鸡入口须海关审核

独家报道

陈富全



沈志勤：大马欢迎任何符合协议的公司申请鸡肉入口准证。

**（槟城21日讯）** 针对中国家禽进口商怒轰马来西亚农业部和兽医局在过去3年对申请肉鸡入口准证遥遥无期，疑似有意拖延一事，农业及农基工业部副部长沈志勤表示，中国家禽进口商的投诉是找错对象，关键的审核方是在中国海关总署（GACC）。

他说，根据大马与中国于2016年对中国出口肉鸡到大马签署协议时，只签署一家中国公司将肉鸡出口到大马。至于过后有其他公司若有意出口肉鸡到大马，只要符合协议中的协定，应可以出口肉鸡到大马。

### 抱开放自由贸易态度

他今日接受《南洋商报》记者电话询问时，如是指出。

他不讳言之前确有收到数家中国公司有意申请出口肉鸡到大马，不过，根据两国签署的协议，有关中国家禽出口商必须提呈足够的文件予中国海关总署审核获批后，才呈交予最后审核方的大马相关部门。

“目前的问题相信是出现在中国海关总署那一方面，有关家禽出口商必须呈交充足文件，确保符合双方的协定，包括安全、卫生以及疾病方面，确保带有病毒的家禽产品不会输入我国。”

无论如何，他表示，已指示大马兽医局近期内为东盟-中国经济贸易发展促进会举行一项汇报，让他们了解马中之前对进口肉鸡协议的细节与程序，避免产生误会。

他说，基本上大马方面是抱着开放自由贸易的态度，批准任何符合协议的公司申请鸡肉入口准证。

# 疑拖延肉鸡入口准证申请

东盟-中国经济贸易发展促进会总会长拿督吴国强日前敦促农业部允许更多企业将清真肉鸡入口至马来西亚，并指称该会已收到数家外资公司的投诉，他们自从2015年申请肉鸡入口准证以来，农业部和兽医局一直疑似有意拖延，这使得外资和本地的合作伙伴对政府的办事效率非常失望。

他引述消息说，自2015年起，来自中国的8家企业已经向兽医局申请初步审核要求，但是由于兽医局的无理理由，整整3年都尚未审核。

“最重要的是，为了符合兽医局的要求，其中一家公司甚至花费了超过2000万令吉的重大成本来重建他们的屠宰场设施。”

他强烈敦促农业部正式回应此事，以加快申请过程。如果在接下来的14天内未收到该部的答复，将采取必要的行动来解决这项问题。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/1/2019 | BERITA HARIAN | ISU | 11 |

INDUSTRI PADI NEGARA

# Usah biar jelapang menjadi kepuk

Kedah sebagai penyumbang terbesar, iaitu 40 peratus pengeluaran beras Malaysia, dilapor menghadapi masalah berkaitan industri padi sehingga menjejaskan pengeluaran beras negara.

Jika asas ini menjadi indikator, taraf Kedah sebagai 'jelapang padi' bakal bertukar menjadi 'kepuk padi' sahaja. Akhirnya negara bukan sahaja kekurangan beras tempatan, tetapi menerima lambakan beras import dari negara jiran, khususnya Vietnam, Thailand dan Indonesia.

Laporan turut menyebut purata 'beras' dimakan rakyat Malaysia ialah 78 kilogram (kg) setahun dan akan terus meningkat jika berlaku pertambahan penduduk. Sekalipun semua negeri di Malaysia mempunyai kawasan penanaman padi, ia bukanlah jaminan pengeluaran beras kekal mencukupi.

Keadaan itu disebabkan sesetengah sawah sudah dibangunkan sebagai pusat perniagaan komersial atau kawasan perumahan tanpa diganti baharu. Tidak kurang juga sesetengah sawah terus terbiar sebagai 'rang' lantaran tiada tenaga mengusahakannya.

Bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi pernah mengatakan, pertanian adalah perniagaan. Mengambil kira kata-kata beliau, seharusnya ia menjadi pembakar semangat kepada yang berminat menceburi bidang pertanian sebagai pesawah.

Namun, hal ini tidak berlaku seperti diharapkan apabila tenaga pesawah rata-ratanya masih terdiri daripada golongan berusia emas. Jika ada pun pesawah muda, mungkin bersifat sementara – tiada rotan akar pun berguna.

## Komentar



**Ibrahim Ahmad**

**Pensyarah** Hubungan Etnik dan Pengajian Malaysia, UniKL Royal College of Medicine Perak (UniKL RCMP)

"Penghasilan variasi baharu padi, MARDI 303 dan MARDI Sebernas 307 sekurang-kurangnya menggalakkan usaha berterusan R&D bagi menghasilkan varieti lebih berkualiti dan tinggi hasilnya. Begitu juga dengan syor penggunaan racun dan baja yang tidak menjejaskan kualiti tanah untuk tanaman padi"

[FOTO SADDAM YUSOFF /BH]



***Penghasilan variasi padi, iaitu MARDI 303 dan MARDI Sebernas 307** hasilkan variasi lebih berkualiti.*

### Cari solusi bersama

Siapakah yang perlu dipertanggungjawabkan? Pesawah, agensi pertanian atau kerajaan yang menggubal dasar sehingga mengabaikan kebajikan pesawah? Untuk saling menuding jari memang mudah, tetapi mencari solusi bersama itu yang payah. Lantaran itu, ada baiknya masalah ini dilihat dan diselesaikan secara bersama.

Sewajarnya ia bermula dari pihak kerajaan dan dalam hal ini, dua asas utama sedia ada iaitu Amalan Pertanian Baik (APB) dan Dasar Agro Makanan Negara (DAN 2011-2020) perlu diperkemas dan dilaksanakan secara telus, agar pengeluaran beras negara dapat dipertingkat dan lebih berkualiti.

Peruntukan sektor pertanian sebanyak RM4.417 bilion dalam Belanjawan 2019 bukti kerajaan terus memberi keutamaan kepada bidang ini. Daripada jumlah itu, RM47 juta bagi tujuan penyelidikan dan pembangunan (R&D), RM52 juta lagi untuk program keusahawanan dan latihan serta menarik minat orang muda menceburi sektor pertanian.

Secara umum tiada masalah dari aspek peruntukan. Justeru, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta agensi di bawahnya perlu bijak mengagihkan peruntukan terbabit untuk meningkatkan pengeluaran beras negara.

Penghasilan variasi baharu padi, MARDI 303 dan MARDI Sebernas 307 sekurang-kurangnya menggalakkan usaha berterusan R&D bagi menghasilkan variasi lebih berkualiti dan tinggi hasilnya. Begitu juga dengan syor penggunaan racun dan baja yang tidak menjejaskan kualiti tanah untuk tanaman padi.

Di Malaysia, rata-rata pesawah masih dalam kategori B40 dan menerima pelbagai bantuan. Untuk mengangkat martabat golongan ini agar dipandang tinggi seperti di Amerika Syarikat atau Australia, pasti memerlukan masa yang panjang.

### Tawar pelbagai insentif

Namun, usaha awal perlu dilakukan dengan penuh iltizam, iaitu mengiktiraf pesawah sebagai satu bidang keusahawanan dan kerjaya tetap. Hal ini boleh dilakukan melalui Skim Pesawah Muda (SPM) dengan menawarkan pelbagai insentif kepada golongan belia yang berminat.

Tuntasnya, kerajaan tidak boleh lokek berbelanja jika ingin menarik golongan belia bersawah. Selain itu, pesawah perlu dilihat sebagai pemain industri pertanian utama negara, manakala harga padi bukan sahaja perlu distabilkan, malah Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) perlu bangkit sebagai pelindung kepada pesawah.

Keringat pesawah perlu dihargai, bukan diperah demi keuntungan sebelah pihak sahaja. Pesawah bukanlah 'orang-orang di tengah sawah', tetapi pemain utama sektor makanan negara. Orang tua-tua pernah menyebut, berbudi kepada tanah tidak akan rugi. Ada padi masak, adalah pipit.

Kekurangan kerja berkolar putih ini seharusnya tidak menjadi halangan kepada golongan belia kembali menceburi bidang berlumpur ini. Saya yakin, suatu ketika nanti pesawah akan muncul sebagai kelompok profesional dan disanjung tinggi oleh masyarakat dan negara.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/1/2019 | BERITA HARIAN | ISU | 12 |

JELAPANG PADI TERANCAM

# Tukar status akibat projek pembangunan

Kawasan sawah diubah syarat bukan tanah pertanian aktif

Oleh Jalal Ali Abdul Rahim, Hanneeyzah Bariah Baharin, Amin Ridzuan Ishak, Amran Yahya, Mohd Hafize Arop dan Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi
cnews@nstp.com.my

Kuala Terengganu

Kerajaan negeri mengakui ada kawasan sawah ditukar syarat tanah kepada bangunan atau kediaman, namun perkara itu tidak dapat dielak susulan perkembangan projek pembangunan serta pertambahan penduduk di negeri ini.

Bagaimanapun, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa negeri, Dr Azman Ibrahim, berkata proses untuk menukar syarat daripada tanah pertanian kepada tanah bangunan atau kediaman, tidak dilakukan secara mudah.

Beliau berkata, ia perlu melalui prosedur ketat dan membabitkan pandangan serta ulasan banyak agensi seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), majlis daerah dan pihak berkuasa tempatan, selain perlu mendapat persetujuan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa serta pihak berkuasa negeri.

"Kita maklum kawasan padi yang ditukar syarat menjadi projek bangunan atau kediaman, susulan perubahan pembangunan pada masa ini, tetapi ia bukan mudah untuk diluluskan kerana perlu melalui prosedur tertentu yang ditetapkan.

"Bagaimanapun, sawah yang biasanya ditukar status itu bukan tanah pertanian aktif," katanya kepada *BH* di sini, semalam.

Azman berkata, Terengganu memiliki kawasan padi seluas 12,542 hektar dengan 5,322 hektar kawasan dalam jelapang, manakala 7,221 hektar kawasan luar jelapang yang diuruskan Kawasan Pertanian Bersepadu Terengganu Utara (IADA KETARA).

Beliau berkata, Terengganu yang memiliki lebih 1.2 juta penduduk memerlukan bekalan beras sekitar 164,000 tan setahun, berbanding pengeluaran negeri hanya sekitar 87,000 tan setahun.

"Daripada 87,000 tan padi ini, apabila diproses menghasilkan sekitar 52,000 tan beras dan ini hanya mampu memenuhi keperluan 53 peratus penduduk dari segi kadar kecukupan sara diri (SSL).

"Ini bermakna kita memerlukan 47 peratus lagi untuk mencukupkan keperluan rakyat Terengganu," katanya.

**Jelapang padi fasa kedua**

Azman berkata, kerajaan negeri kini dalam proses mewujudkan projek jelapang padi fasa kedua, dengan penambahan kawasan luar jelapang akan dimasukkan ke dalam kawasan jelapang seluas 5,046 hektar.

"Kita sudah panjangkan permohonan ini kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani pada April tahun lalu.



*Azman Ibrahim*

"Jika projek jelapang fasa kedua ini selesai dan dapat diteruskan, ia akan meningkatkan kawasan padi kepada 10,369 hektar," katanya.

Di **Perak**, kawasan jelapang padi seliaan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kerian di Bagan Serai, turut berdepan pengurangan saiz apabila pesawah menukar kawasan itu kepada tanaman sawit, sekali gus mengurangkan bekalan padi negara.

Selain sawit, kawasan itu turut ditimbus untuk projek pembangunan, khususnya perumahan.

IADA Kerian membabitkan kawasan padi seluas 20,972 hektar daripada keseluruhan kawasan padi di Perak seluas 43,956 hektar.

Berdasarkan tinjauan *BH*, hasil tanaman padi yang kurang memuaskan dan tidak menentu, mendorong kebanyakan pesawah tidak mahu menanggung risiko rugi berterusan, menyebabkan mereka menukar sawah kepada kelapa sawit, malah segelintir menjual sawah kepada pemaju untuk projek tertentu.

Di **Negeri Sembilan**, faktor tanah adat antara punca sawah di negeri ini tidak diusahakan dengan tanaman padi, sekali gus menyumbang kepada kemerosotan pengeluaran tanaman itu.

Pengusaha sawah, Zilali Harun, 46, berkata jika empat tahun lalu, beliau mengusahakan 161 hektar sawah di Kampung Lonek, Jempol, tetapi keluasan itu berkurangan kepada 157 hektar kesan faktor tanah adat.

"Selalunya tanah adat mempunyai lebih satu penama dan jika seorang daripada penama menarik diri, perjanjian itu terbatal.

**Faktor tanah adat**

"Selain itu, selepas tempoh berakhir ada pemilik tanah tidak mahu perjanjian disambung, dengan alasan untuk disewakan kepada pengusaha lain bagi tanaman jagung dan pisang," katanya.

Zilali berkata, walaupun berpengalaman lebih 30 tahun dalam industri padi, namun dia masih mencari formula cara meningkatkan pengeluaran padi.

"Saya kini mengusahakan 1,065 hektar sawah, termasuk di Terengganu, Selangor dan di Kampung Lonek, Jempol, Negeri Sembilan," katanya.

Di **Kuantan**, sawah di daerah Rompin dan Pekan yang digazetkan sebagai Jelapang Padi Pahang pada 2013, dengan keluasan 10,499 hektar tidak menunjukkan sebarang perubahan.

Jelapang padi paling besar di negeri ini di daerah Pekan, membabitkan enam skim berkeluasan 7,211 hektar, manakala di Rompin 3,288 hektar di empat skim.

Skim di Pekan membabitkan Merchong (4,134 hektar); Pahang Tua (1,275 hektar); Ganchong (1,500 hektar); Pulau Jawa/Pulau Tambun (209 hektar); Mambang (348 hektar) dan Serandu (240 hektar).

Jelapang padi di Rompin pula terletak di Setajam (1,850 hektar); Sepayang (280 hektar); Tebu Hitam (445 hektar) dan Paya Laka (313 hektar).

Pengarah Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Pekan, Muhd Rizal Baharom, berkata tidak timbul isu keluasan sawah padi di dua daerah berkenaan semakin kecil, walaupun ada yang ditukar status, termasuk pembinaan rumah seperti di negeri lain.

"Mengikut rekod IADA Pekan, tiada sawah dirizabkan sebagai jelapang padi di daerah ini ditukar status dan kita tidak akan mengesyorkannya kepada Pejabat Tanah dan Daerah Pekan, yang lazimnya merujuk kepada kita sebelum meluluskan permohonan.

"Jika sawah di tanah lot milik perseorangan, statusnya boleh ditukar jika ada permohonan pemilik, tetapi jika sudah dirizabkan sebagai jelapang padi, IADA tidak beri pertimbangan," katanya.

Katanya, pihaknya komited untuk terus meningkatkan pengeluaran padi menerusi skim sawah dirizabkan jelapang padi, yang ketika ini masih belum mencapai tahap memuaskan, iaitu purata bawah tiga tan.

"Purata pengeluaran padi sekitar bawah tiga tan dan ia perlu dipertingkatkan bagi meningkatkan bekalan beras dalam pasaran.

"Kita akan bantu dengan meningkatkan infrastruktur seperti menyediakan saliran lebih sistematik, paling kritikal di Merchong menyebabkan penanaman hanya boleh dilakukan sekali sahaja. Di skim Pahang Tua sudah boleh dilakukan dua kali," katanya.

## Kaji aspek lain jana ekonomi

**Ipoh:** Kerajaan Persekutuan diharap melihat beberapa aspek yang boleh membantu menjana ekonomi negeri, jika kerajaan negeri menguatkuasakan pewartaan kawasan tanaman padi.

Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu, berkata beberapa negeri yang mempunyai keluasan sawah padi terbesar seperti Kedah dan Perak, banyak berkorban dari segi penggunaan tanah bagi penghasilan beras.

Katanya, kerajaan negeri berharap Kerajaan Persekutuan melihat aspek lain, membantu penjanaan ekonomi negeri selain sawah padi.

"Kita harap Kerajaan Persekutuan melihat negeri yang banyak berkorban seperti Perak dan Kedah dalam perkara lain," katanya selepas menutup Kejohanan Lawn Balls Piala Taming Sari Open Triples di Arena Lawn Balls Perak, Ipoh, semalam.

## BERNAS bantu 123,464 pesawah berdaftar

**Kuala Lumpur:** Seramai 123,464 pesawah berdaftar dengan Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) sepanjang tahun lalu, bagi membantu mengumpul hasil padi sebelum dibeli pengilang untuk dijual kepada pengguna.

Bagaimanapun, bukan semua pesawah menghantar hasil padi ke kilang BERNAS, sebaliknya sebahagian mereka menghantar ke kilang swasta.

BERNAS dalam kenyataannya berkata, tindakan pesawah menghantar padi ke kilang swasta, disebabkan bayaran diterima mereka lebih tinggi berbanding BERNAS yang tertakluk kepada kadar bayaran ditetapkan kerajaan.

"Demi menjaga kepentingan pesawah, kerajaan mengambil langkah berani dengan menyelaraskan harga padi pada tahap RM1,200 bagi setiap tan.

"Untuk kualiti padi yang setara, harga ini adalah yang tertinggi di rantau Asia Tenggara.

**Kerajaan selaras harga padi RM1,200 setiap tan**

"Pendapatan kasar RM1,500 per tan merangkumi RM1,200 harga padi dan RM300 subsidi harga padi bagi setiap tan," katanya.

BERNAS ditubuhkan pada 1996 dan bertanggungjwab mengendalikan perolehan, pemprosesan padi dan pengimportan, pergudangan, pengedaran serta pemasaran beras.

Dianggarkan sebanyak 1.15 juta tan beras tempatan dibekalkan setahun, manakala 0.75 juta tan beras diimport dari luar negara.

BERNAS akan sentiasa memastikan komuniti pertanian padi tempatan, pihak pemegang kepentingan dan pengguna akan terus terjamin.

"Di bawah mekanisme pengawal selia tunggal, BERNAS akan meneruskan usaha memastikan kebajikan pesawah terjaga, pengeluaran dan kualiti beras kekal stabil serta tawaran harga berpatutan.

"Tiada jaminan harga beras akan turun meskipun industri padi dan beras negara diwujudkan dalam pasaran terbuka, bagi menamatkan monopoli pengimportan serta pengedaran beras negara.

"Ia membabitkan kepentingan tiga polisi utama, iaitu kebajikan pesawah, keselamatan makanan dan keperluan serta kepentingan pengguna.

"Pelaksanaan sistem yang holistik akan membantu mengekalkan kemampanan industri padi dan beras negara, sekali gus tidak meminggirkan kebajikan pesawah," katanya.

Berhubung jumlah tan beras yang perlu sampai kepada pengguna, kemungkinan pembekal akan menamatkan jualan atau menaikkan harga adalah di luar bidang kuasa BERNAS.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/1/2019 | NST | NEWS / NATION | 10 |

LONG TIME AGO

## 'Gazetting land for padi farming nothing new'

**SUNGAI PETANI:** The move to gazette agricultural land in the state for padi farming is nothing new, and it has been enforced and implemented more than a decade ago.

Former deputy finance minister Datuk Othman Aziz said the move to gazette padi fields in Kedah had been implemented before the establishment of Muda Agricultural Development Authority (Mada) in the 1970s as a move by the government to ensure a sufficient supply of rice in the country.

Othman, who is former Mada chairman, said land gazetted as padi fields could not be converted for the use of other purposes, including development.

"It is even stated in the grant that the land can be used only for padi farming.

"Hence, it (gazetting land into padi fields) is nothing new," he told the New Straits Times Press yesterday.

He was asked to comment on the proposal by Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Salahuddin Ayub for the state governments in Kedah and Perlis to gazette agricultural land used for padi farming at their respective states.

Othman, however, said demands of development had changed the situation.

"Development is inevitable. We need houses and proper road infrastructure to transport padi yields. We cannot stop it.

"With the discretion of the state government, it (conversion of padi fields into other purposes) can be approved and implemented."

SHORTAGE

# 'STATE NEEDS MORE RICE MILLS'

### Terengganu's 3 rice mills incapable of processing padi yield

HANNEEYZAH BARIAH BAHARIN
**KUALA TERENGGANU**
cnews@nstp.com.my

TERENGGANU is in need of more rice mills to address issues related to oversupply of unprocessed padi yield.

State Agriculture, Agro-based Industry and Village Development Committee chairman Dr Azman Ibrahim said there were only three rice mills in the state, which were overwhelmed by the increase in padi yield.

He said problems related to the insufficient number of rice mills, needed to be addressed as they would affect the income of padi farmers.

"We have sufficient number of rice mills in the country.

"However, (the distribution in the number of rice millers) according to states is not balanced.

"There are 40 rice mills in Kedah, but there are only three in Terengganu," he told the New Straits Times Press yesterday.

The three rice mills are located in Bukit Kenak, Besut, Mutiara Timur, Kerandang, and Bukit Kor in Marang.

"During the peak of the padi harvesting seasons, these three mills will be overwhelmed by unprocessed padi yield.

"In many occasions, lorries transporting the unprocessed grain had to wait for an entire day because there is not enough space for storing the yield."

He said there were two rice mills being developed in Setiu and Hulu Besut, which would be supervised by the Jabi Farmers Organisation Authority.

"We hope that these mills, which will equipped with the latest technology and capable of processing 2,400 tonnes of yield per day, could address the problem and spur the rice industry in Terengganu."

He said there were 12,542ha of padi fields in the state, including 7,221ha under the management of Northern Terengganu Integrated Agricultural Development Area.

Terengganu, he said, required 164,000 metric tonnes of rice for its 1.2 million population annually.

"However, the state can produced only 87,000 metric tonnes of padi yield in a year.

"From the total yield produced, only 52,000 metric tonnes of rice were produced, which can only meet the demand of 53 per cent of the state's population.

"We are short of 47 per cent of rice to meet the demand of Terengganu folk," he said, adding that the state was importing rice to ensure a sufficient supply.

He said the state government was increasing the number of padi fields by 5,046ha under the Ketara region's second phase initiative.

"The state government has submitted an application to the Agriculture and Agro-based Industry Ministry in April last year, which will increase the number of padi fields to 10,369ha."

He said the state government was aware that some padi fields were converted for property and other development purposes, which he said was unavoidable due to the increase in the population.

"Yes, there are padi fields converted for development.

"However, the conversion does not involve land that is used for agricultural activities.

"I would like to stress that it is not easy and the process is stringent to convert agricultural land for property development."



*Padi fields in Kampung Sungai Rengas, Kuala Terengganu, are getting smaller as their owners have converted them for property development.* PIC BY IMRAN MAKHZAN

FARMERS' WOES

## Padi fields abandoned due to customary land status

**JEMPOL:** Issues related to customary land have been identified as one of the reasons why padi fields in the state were left abandoned, which caused yield production to drop.

Padi farmer Zilali Harun said he used to operate a 161ha padi field in Kampung Lonek here.

Zilali, 46, said all that changed a few years ago due to the issue of customary land.

"The size of my padi field has been reduced to 157ha.

"A piece of customary land is usually owned by more than one person. If one of the owners decides to withdraw, the agreement will become null.

"There were instances where a landowner decided not to extend after the agreement expired because he wanted to rent out the land for other agricultural activities," said Zilali, who owns 1,065ha of padi fields in Terengganu, Selangor and Negri Sembilan.

He hoped the government could formulate ways to revive abandoned land previously used for cultivating padi, which would help to increase padi yield and reduce the country's dependency on imported rice.

"Based on my 30 years' experience in padi farming, rice production in Malaysia is low compared to Thailand and Indonesia.

It was reported that Malaysia needed three million tonnes of rice annually for local consumption.

The country, however, was capable of producing only two million tonnes of rice annually and had to import rice from Vietnam and Thailand.

The situation is compounded by issues affecting the rice production sector in Kedah, known as rice-bowl state of the nation, which produces 40 per cent of the country's rice supply.



## PRAYER TIMES

| | SUBUH (am) | SYURUK | ZUHUR | ASAR (pm) | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Melaka | 6:02 | 7:23 | 1:25 | 4:47 | 7:24 | 8:37 |
| Penang | 6:14 | 7:33 | 1:32 | 4:54 | 7:27 | 8:40 |
| K. Lumpur | 6:07 | 7:25 | 1:27 | 4:49 | 7:25 | 8:38 |
| Johor Baru | 5:55 | 7:16 | 1:19 | 4:41 | 7:19 | 8:32 |
| Kuantan | 6:00 | 7:21 | 1:22 | 4:44 | 7:20 | 8:33 |
| Ipoh | 6:01 | 7:28 | 1:30 | 4:52 | 7:26 | 8:39 |

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/1/2019 | STAR METRO | FEATURE | 6 |



# Green touch to rice production

## Long Langai village's pilot farming method a success

Story and photos by
ANSOVINA CHAI
sarawakstar@thestar.com.my

PADI farmers in the Long Langai village located in the Ba'Kelalan highlands of northernmost Sarawak have achieved a pioneering feat.

They have produced padi harvests using a chemical-free farming method called System of Rice Intensification (SRI).

Last week, the farmers proudly showed their rice, which they named Adan Rice, to the press during a visit organised by World Wide Fund for Nature (WWF) Malaysia and the Long Langai residents.

WWF senior programme, community engagement and education officer Alicia Ng said the SRI method was proven to be sustainable. It used fewer rice seedlings and less water during the growth cycle, enabled easier transplantation of young seedlings, more effective weeding control and more fertile soil conditions as organic fertiliser was used.

"We encourage the farmers to go back to organic farming.

"I hope through this harvesting, the farmers will educate others about the SRI method.

"The reason we embarked on the SRI pilot project here is because Long Langai is the second biggest village in Ba'Kelalan.

"The village is also a 20-minute drive away from Ba'Kelelan airport.

"Most of the villagers are padi farmers while some are involved in tourism activities like providing homestays.

"As an environmental organisation, we are looking at various activities including eco-tourism. Sustainable rice farming is part of it and will be a continuous activity.

"We are not marketing or sales experts. We only look at how farming has an impact on the environment. That is our major concern.



This picture shows the difference between two padi fields, one using the SRI method (left) and the other using the conventional planting method.



Farmers harvesting their yield from the pilot SRI project at Long Langai, Ba'Kelalan.

"This SRI method will take a lot of hard work, but is worth it because it will save cost, chemical-free farming and a healthy option for the community," said Ng during the visit.

WWF also held workshops for the farmers and Sarawak Agriculture Ministry guided them on eco-friendly agriculture practices.

For example, the farmers learnt about integrated soil nutrient management, insect or pest control management and weed management.

At the workshops, they exchanged experiences and shared about the challenges faced.

Matius Padan, head farmer of Long Langai village, said he hoped more people will take up this method of farming.

"This good effort was started by WWF, making Long Langai a project site with collaboration from the Agriculture Ministry.

"We are not only able to learn a new method or gain knowledge, but also maintain a sustainable environmental balance," said Matius.

In 2014, Department of Agriculture Sarawak (DoA) introduced SRI farming in Long Rusu village, Ba' Kelalan, with five farmers joining the three-year test plots programme under its agriculture research centre.

WWF was also involved in the programme, which aimed to promote chemical-free farming while reducing pests such as the golden apple snail.

WWF and CIMB Islamic Bank Bhd (CIMB Islamic) sponsored local farmers to participate in DoA's programmes, which included visiting the SRI Lovely Farm in Sik, Kedah, to learn about the theories and technical aspects of the method.

In 2017, SRI farming expanded to Long Langai village, with 11 farmers committing to the project.

This was made possible under a pilot project by WWF through a RM1.5mil funding by CIMB Islamic in a three-year partnership (2017-2019).

In Ba'Kelalan and Long Semadoh, Sarawak, the total allocation is RM600,000.

"As a company that embraces sustainability group-wide, CIMB Islamic is proud to be associated with projects that are not only socio-economically beneficial, but also kind to the environment.

"SRI organic farming fits well into this concept and our sustainability objectives. We are pleased that more farmers have accepted and adopted the SRI method.

"With such encouraging progress, we believe the project can deliver a better outcome by benefiting more communities over time," said CIMB Group Islamic banking chief executive officer Rafe Haneef.




# New homes for 23 kittens



The Cat Adoption programme organised by MBSA was a huge success as 23 kittens were adopted within an hour.

THERE were plenty of purrs heard at the Cat Adoption (Kucing Angkat) programme, which was held in conjunction with Shah Alam's Car-Free Day.

A total of 23 kittens found new homes within an hour as eager pet lovers lined up to take advantage of the programme, which took place at Merdeka Square, Seksyen 14 in Shah Alam, from 8am to 11am.

The programme by the Shah Alam Municipal Council (MBSA) was held to raise awareness among communities and encourage cooperation from all parties to act more responsibly towards pets for a cleaner, safer environment.

The cats had been picked up by MBSA at areas such as markets and stalls.

Before being adopted, the felines were vaccinated and went through a health check.

Each person who took home a kitten from MBSA was awarded up to RM20, with the maximum number of cats per person limited to two.

MBSA worked with Department of Veterinary Service in Selangor, Department of Wildlife and National Parks Peninsular Malaysia (Perhilitan) in Selangor, and World Wide Fund for Nature (WWF) in Malaysia for the cat adoption programme.

Some of the activities held as part of the programme were seminars and exhibitions.

The programme also accepted sponsorship from a few pet food manufacturers and animal clinics.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/1/2019 | NST | NEWS / NATION | 60 |

PROTECTING ANIMALS

# Veterinarian urges Sabah govt to set up cat island

**KOTA KINABALU:** A veterinarian here has proposed that a cat island be set up to protect the animals from becoming prey to wildlife on islands off Sabah.

Dr Randolf Paza's idea, which was mooted on his Facebook account, has gone viral and garnered support from Netizens.

In the post, he asked the public, especially volunteers, to support efforts to carry out the project.





*A stray cat on an island off Kota Kinabalu on Sunday. (Inset) Dr Randolf Paza.* PIC COURTESY OF DR RANDOLF PAZA

The post was uploaded on Jan 11 and shared 1,300 times. It received 2,100 likes with 680 comments up to press time.

Paza said he was inspired to pursue the project as there was an island in Japan where cats were protected.

"I discovered that there is an island in Japan, which is populated by cats.

"I am involved in charity work related to the treatment and neutering of animals, such as cats, in islands near Kota Kinabalu. That's how I came up with this idea.

"The cats on these islands die because they became prey to wildlife, such as monitor lizards. I see this happening often whenever I visit these islands to conduct protection programmes for cats," he told the New Straits Times Press here.

He urged the government to give its support to gazetting an island off the coast of Kota Kinabalu for the purpose.

"I received positive comments for the idea, but there are some people who said it is impossible to do.

"This is the first step towards this goal and I hope the government sees the importance of protecting cats. It can also boost tourism.

"I have suggested that Pulau Mamutik be turned into a cat island as every area in the island is suitable for cats to thrive."

The volunteer attached to the Society for the Prevention of Cruelty to Animals (SPCA) said based on his records, there were 18 cats in Pulau Mamutik, Pulai Sapi (14) and Pulau Manukan (35).

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/1/2019 | AMANAH MINGGUAN | NASIONAL | 2 |

# Lebih 300 nelayan terima manfaat skim insurans LKIM

**SERAMAI** 353 nelayan di seluruh negara telah menerima manfaat Skim Insurans Nelayan Berkelompok Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) berjumlah RM1.52 juta sehingga Ogos tahun lepas.

Menurut Pengerusi LKIM Muhammad Faiz Fadzil, nelayan yang berdaftar dengan LKIM di bawah Program Elaun Sara Hidup (ESHN) yang berumur 18 tahun hingga 75 tahun sahaja layak menyertai skim itu.

Pada masa ini, seramai 52,399 orang nelayan telah mendaftar di bawah skim perlindungan itu dengan hanya membayar premium RM100 setahun, katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Beliau ditemui semasa menziarahi keluarga pasangan nelayan Allahyarham Mohamad Zaini Panjang Karim dan isterinya Allahyarhamah Azizah Yatim yang dipercayai mati lemas setelah terjatuh ke dalam laut semasa memukat ikan di perairan Kuala Perlis pada 5 Jan lepas.

Dalam kunjungan itu, Muhammad Faiz menyampaikan cek Skim Perlindungan dan Kebajikan Nelayan bernilai RM10,000 kepada anak kedua daripada tiga orang anak pasangan itu, Mohamad Noor Affandy, 25.



*Faiz Fadzil menziarahi keluarga nelayan yang kematian ibu bapa semasa mereka turun menangkap ikan di laut.*

Turut hadir pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) Abdul Hamid Bahari dan timbalan ketua pengarah LKIM (Pengurusan) Raja Khalid Raja Ariffin.

Muhammad Faiz berkata keluarga pasangan nelayan itu juga akan menerima RM150,000 dalam tempoh 30 hari selepas berlaku kematian di bawah Skim Insurans Nelayan Berkelompok.

Sementara itu, Muhamad Noor Afandy berkata kematian serentak ibu dan bapanya mengejutkan beliau, kakak dan adiknya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/1/2019 | KOSMO | NIAGA | 45 |

# Agrobank serah sumbangan zakat kepada YPI

**PRIHATIN.** Agrobank menyerahkan sumbangan zakat sebanyak RM25,000 kepada Yayasan Prihatin Insan (YPI) bersempena program OKU Sahabatku Fun Run 2.0 di Dataran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur baru-baru ini.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Syed Alwi Mohamed Sultan berkata, pihaknya sentiasa berusaha untuk membantu golongan kurang berkemampuan dan melalui sumbangan tersebut dapat membantu golongan asnaf di bawah naungan YPI.




ZAHID (kanan) menyerahkan sumbangan zakat perniagaan kepada Ishak (kiri) di Dataran DBKL, Kuala Lumpur baru-baru ini.

"Menerusi sumbangan zakat perniagaan itu, seramai 50 Orang Kelainan Upaya (OKU) di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor akan menerima kerusi roda di bawah Skim Baucer Pengangkutan OKU Asnaf.

"Semoga ia dapat membantu memudahkan golongan tersebut menjalankan aktiviti harian dengan lebih baik," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini baru-baru ini.

Zakat perniagaan tersebut telah diserahkan kepada Pengerusi YPI, Ishak Ismail oleh Ketua Pegawai Operasi bank tersebut, Zahid Ahmad Zawawi.

| Headline | Cagar tanah demi minat | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Sinar Harian (Selatan) | | |
| Date | 22 Jan 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 160,000 |
| Page No | 21 | Readership | 509,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 575 cm² |
| Journalist | NOR AZURA MD AMIN | AdValue | RM 4,028 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 12,084 |



# Cagar tanah demi minat

*Ayub satu-satunya penternak ayam Bumiputera di Parlimen Pontian*

NOR AZURA MD AMIN

PONTIAN



Ayub (kiri) bersama Ahmad Maslan di ladang ternakan ayam daging di Kampung Parit Marjunid.



Ternakan ayam daging diusahakan Ayub beri pulangan lumayan.

Menelusuri perjalanan jauh ke Benut melalui kawasan kampung sebelum kenderaan melalui jalan agak sunyi hingga akhirnya sampai ke kawasan ladang ternakan ayam di Kampung Parit Marjunid.

Pemilik ladang Ilham Farming, Ayub Alias, 63, ceria menyambut ketibaan tetamu bersama Ahli Parlimen Pontian Datuk Ahmad Maslan dan kemudiannya dibawa meninjau ternakan ayam.

Ayub merupakan satu-satunya penternak ayam Bumiputera di kawasan Parlimen Pontian yang berjaya.

Menurut Ayub, bukan mudah hendak memulakan ternakan ayam berskala besar biarpun mempunyai kelulusan diploma pertanian.

Beliau yang pernah bertugas di Mardi cukup berminat untuk menceburi bidang penternakan ayam kerana potensi cukup besar selain mahu menjadi pembekal makanan.

“Mula-mula baca buku dan pergi kursus, itupun tidak mencukupi. Banyak perkara yang perlu diketahui.

“Bukan setakat ayam sahaja, tetapi perlu tahu tentang cara membina reban berskala besar,” katanya.

Dengan berbekalkan semangat dan keinginan untuk maju sekali gus mencapai impian bergelar usahawan ternakan ayam daging berjaya, Ayub mengambil langkah berani bergiat dalam bidang berkenaan sejak tujuh tahun lalu.

Menyedari modal cukup penting dan tidak mahu soal modal menjadi penghalang, beliau membuat cagaran sebidang tanah dengan pihak bank.

“Hasil cagaran itu saya mendapat RM130,000. Wang itu digunakan untuk menyewa sebuah tanah di Kampung Parit Marjunid.

“Kedudukan tanah yang disewa jauh dari rumah penduduk, ia amat sesuai untuk ternakan ayam daging,” katanya.

### *Bukan mudah untuk berjaya*

Pelbagai rintangan diharungi Ayub pada peringkat permulaan beliau hendak memulakan ternakan ayam daging.

Katanya, dia tidak mengenali sesiapa boleh membantu dirinya memulakan ternakan ayam daging ketika itu.

Lantas beliau mengambil keputusan untuk meminta bantuan dari seorang kenalan yang mempunyai sebuah syarikat pemprosesan ayam di Pontian.

“Rakan saya beri bantuan untuk menternak 6,000 ekor anak ayam. Dari situ saya bermula secara perlahan-perlahan.

“Makanan dan pelbagai keperluan lain diberikan rakan saya itu dan saya menjual hasil ternakan kepadanya,” katanya.

Langkah itu ternyata berbaloi apabila usaha yang dimulakan dengan 6,000 ekor anak ayam pada 2012 kini berkembang sehingga 40,000 ekor anak ayam dengan empat reban berskala besar disediakan bagi menampung kesemua ternakan tersebut.

Malah hasil usaha yang dilaksanakan secara tekun dan berterusan itu membolehkannya menerima pengiktirafan dan bimbingan Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

### *Gembira lihat kejayaan*

Bapa kepada enam orang ini kini mampu tersenyum melihat hasil titik peluh yang diusahakan selama tujuh tahun membuahkan hasil yang cukup membanggakan.

Malah Ayub kini bergelar satu-satunya penternak ayam Bumiputera di Parlimen Pontian yang berjaya.

Ayub berkata, ketiadaan bekalan elektrik dan jalan raya menyukarkan beliau memulakan ternakan ayam daging.

“Pada 2012, ketika hendak mulakan ternakan, bekalan elektrik tiada, jalan raya pun masih belum berturap.

“Mujur dengan bantuan kerajaan ketika itu, bekalan elektrik disambung dan kemudahan jalan raya lebih elok dibina di sini,” katanya.

Beliau berharap agar lebih ramai generasi muda menceburi bidang ternakan ayam yang mendatangkan hasil cukup lumayan jika diusahakan bersungguh-sungguh.



Ayub menunjukkan anak ayam yang diternak di ladang ternakannya.

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/1/2019 | AMANAH MINGGUAN | NASIONAL | 15 |

# Skim Perkeso untuk petani mungkin diperluas

**TIMBALAN** Timbalan Menteri Sumber Manusia Datuk Mahfuz Omar berkata Skim Bencana Kerja Pekerjaan Sendiri yang ditawarkan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) mungkin diperluas kepada golongan petani yang berisiko menghadapi kemalangan dalam pekerjaan mereka.

Menurutnya, langkah tersebut ekoran sambutan dingin daripada kumpulan sasaran sebelum ini iaitu pemandu teksi dan penyedia perkhidmatan e-panggilan.

Setakat ini hanya 10 peratus daripada kira-kira 100,000 pemandu teksi dan e-panggilan mendaftar dan mencarum bawah skim itu.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melawat tapak cendawan volvariella di Kampung Musa, Pedu baru-baru ini.

Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Sumber Tani, Pengangkutan dan Industri Utama Kedah Azman Nasrudin.

Mengulas lanjut, Mahfuz berkata petani juga berdepan risiko kemalangan memandangkan mereka terlibat dalam pengendalian jentera serta mesin, dan perlu dilindungi Perkeso.

Skim Bencana Kerja Pekerjaan Sendiri yang berkuat kuasa 1 Jun 2017 diwujudkan bagi memberi perlindungan kepada individu yang menjalankan pekerjaan sendiri dengan permulaan skim ditumpukan pada pemandu teksi sertaa e-panggilan.

Skim tersebut memberi perlindungan kepada pencarum daripada bencana pekerjaan termasuk penyakit pekerjaan dan kemalangan semasa menjalankan aktiviti pekerjaan selain menyediakan faedah tunai di samping menyediakan rawatan perubatan, pemulihan jasmani dan latihan vokasional.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 22/1/2019 | MY METRO | ONLINE | |

# Sarawak pembekal utama pes durian kampung




DOUGLAS (tiga dari kanan) menunjukkan pes durian sejuk beku untuk dieksport ke Kuala Lumpur di ATA Supplies, Bintawa di Kuching. FOTO Melvin Joni

SARAWAK kini menjadi pembekal utama pes durian kampung yang secara tidak langsung membangunkan serta mengembangkan rantaian pasaran produk durian negeri itu ke pasaran luar.

Pes durian dari Sarawak bukan saja dieksport ke Kuala Lumpur malah turut mendapat permintaan yang memberangsangkan dari China untuk menghasilkan produk berasaskan raja buah itu seperti ais krim, kek dan biskut.

Timbalan Ketua Menteri, Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, inisiatif itu adalah hasil daripada model perniagaan dan pembangunan Perkongsian Sektor Awam-Swasta (PPP) antara kerajaan negeri dengan ATA Supplies untuk memperluaskan pasaran produk durian.

Katanya, kewujudan rantaian pasaran durian itu bukan saja membantu petani khususnya di luar bandar Sarawak untuk meraih pendapatan malah mencapai sasaran kerajaan negeri untuk menjadikan Sarawak sebagai pengeksport makanan menjelang 2030.

"Durian ini yang dijadikan pes dibeli dari penduduk di sekitar Padawan, Bau, Serian, Simunjan dan Betong sebelum diproses menjadi pes untuk digunakan bagi menghasilkan produk makanan berasaskan buah berkenaan.

"Inisiatif terbaru ini mampu merancakkan ekonomi setempat dan pengusaha ladang durian tempatan selain menyuntik peningkatan ekonomi Sarawak," katanya ketika menyempurnakan penghantaran pes durian tempatan Sarawak ke Kuala Lumpur di Kuching, hari ini.

Hadir sama, Menteri Muda Pertanian, Dr Abdul Rahman Ismail, Setiausaha Tetap Kementerian Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah, Datu Ik Pahon Joyik dan pemilik ATA Supplies, Andeline Poo Phei Sian.

Uggah yang juga Menteri Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah berkata, kerjasama dengan syarikat berkenaan membantu menyelesaikan isu lambakan durian yang dihadapi oleh petani di luar bandar sehingga menyebabkan kejatuhan harga ketika musim buah.

Sementara itu, Andeline berkata, syarikatnya menyasarkan 100 tan metrik pes durian kampung yang diperoleh dari Betong, Serian, Simunjan, Bau dan Padawan untuk dieksport ke luar Sarawak.

Katanya, sejak Disember 2018, ATA Supplies membeli sebanyak 270 tan metrik durian untuk menghasilkan sebanyak 42 tan metrik pes durian daripada penduduk setempat.

"Penghantaran pertama kami ke Kuala Lumpur sebanyak 12 tan metrik pada 3 Januari lalu manakala hari ini adalah penghantaran kedua sebanyak 15 tan metrik dan penghantaran ketiga juga sebanyak 15 tan metrik akan dibuat esok," katanya.